

Kawasan industri halal di setiap negeri: PM

BH-11/5/2007.

Usaha jadikan Malaysia sebagai hab utama seluruh dunia

Oleh Anwar Hussin dan Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menubuhkan kawasan industri halal di setiap negeri bagi meningkatkan lagi pertumbuhan sektor berkenaan sekali gus membantu mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab halal utama dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kawasan industri halal itu akan menjadi antara kemudahan rantaian khusus yang dapat membantu mempromosikan produk halal serta meningkatkan integritinya.

Beliau berkata, industri halal negara perlu mewujudkan kemudahan rantaian bekalan khusus bagi memastikan penghantaran produk berkenaan tidak menimbulkan keraguan dari segi halal haram di sepanjang saluran pengedarannya.

"Ini bagi memastikan pengendalian produk halal dan tidak halal dibuat berasingan, sekali gus mengekalkan integriti status halal pada peringkat domestik serta global," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas) 2007 di sini, semalam.

Pameran perdagangan halal ter-

besar di dunia itu berlangsung selama lima hari mulai semalam, ia dianjurkan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) bersama Yayasan Dakwah Islam Malaysia (Yadim).

Perdana Menteri berkata, ketika ini banyak syarikat mengendalikan penghantaran bagi kedua-dua produk halal dan tidak halal yang disatukan, menyebabkan ada kalanya integriti status halal barangan terbahit diragui.

"Sehubungan itu, industri produk halal perlu menyediakan kemudahan rantaian bekalan khusus bagi memastikan penghantaran tidak menimbulkan keraguan sepanjang saluran pengedaran," katanya.

Beliau berkata, konsep logistik halal semakin mendapat perhatian di beberapa negara Islam dan ini menyediakan peluang besar bagi pihak ketiga sebagai penyedia logistik untuk meneroka sektor yang menyediakan peluang menarik ini.

"Selain pengangkutan, banyak lagi peluang dalam industri halal yang boleh diteroka termasuk gudang, pembungkusan dan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam rantaian nilai logistik berkenaan," katanya.

Abdullah berkata, industri makanan halal menyediakan pasaran ber-

nilai hampir AS\$600 juta setahun di seluruh dunia, dengan lima peratus daripadanya membabitkan perniagaan logistik.

Beliau menjelaskan, Malaysia sudah membuat pelaburan besar untuk pelabuhan dan infrastruktur logistik negara ini dan ia akan disokong inisiatif logistik halal lain termasuk pembinaan kawasan perindustrian khusus di lokasi strategik.

"Di Malaysia, syarikat logistik boleh menawarkan rantaian kemudahan dan perkhidmatan pengedaran produk halal dingin beku yang khusus. Saya percaya dengan kemudahan yang ada, Malaysia boleh menjadi hab logistik halal berdayasaing," katanya.

Perdana Menteri berkata, produk makanan halal yang dikeluarkan negara Islam mampu menguasai pasaran makanan sedunia jika ia di usahakan secara bersungguh-sungguh khususnya dari segi keutamaan mutu.

Sementara itu, beliau turut menggesa universiti dan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan membangun dan menawarkan disiplin akademik dalam bidang halal.

"Aspek modal insan dan pembangunan pengetahuan perlu diutamakan bagi memastikan ia sentiasa dapat memenuhi tuntutan dan cabaran perkembangan industri halal pada masa depan.

"Kita akan memberi penekanan untuk memastikan industri halal akan berdepan dengan aliran dan cabaran di peringkat global. Dengan jangkaan industri halal akan lebih dinamik, kita perlu bersiap sedia dengan tenaga mahir dan profesional," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abdullah ketika ditanya sama ada kerajaan sudah membuat keputusan berhubung pelantikan Pengerusi Proton Holdings Bhd yang baru bagi menggantikan Datuk Mohammed Azlan Hashim, berkata, belum ada lagi.

Kontrak Mohammed Azlan sebagai Pengerusi Proton berakhir 31 Mac lalu.

FAKTA NOMBOR

Pameran perdagangan halal

424

Syarikat

26

Negara